



## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Paras 25, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : [www.penang.gov.my](http://www.penang.gov.my)

RUJ. KAMI: PSUKPP.KP.100-1/7/  
1 ( II )

TARIKH : 17 Safar 1438  
17 November 2016

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

---

### SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 11 TAHUN 2016

---

#### DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI PULAU PINANG VERSI 2.0

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksana dan menghebahkan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang (DKICT) Versi 2.0 kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri.
2. DKICT Versi 2.0 ini merupakan usaha dan langkah-langkah berterusan bagi menjamin keselamatan ICT secara menyeluruh

daripada ancaman-ancaman pencerobohan dan bagi melindungi aset ICT Kerajaan Negeri.

## **LATAR BELAKANG**

3. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2009 telah dikuatkuasakan pada 27 Februari 2016 selaras dengan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 bertajuk “Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan” daripada MAMPU.

4. Versi terakhir DKICT yang telah dikuatkuasakan melalui Surat Pekeliling SUK Bil. 1 Tahun 2009 adalah versi 1.3 bertarikh 27 Disember 2013.

5. Berdasarkan keperluan semasa dan keperluan standard MS/ISO 27001:2013 - *Information Security Management System (ISMS)*, DKICT Versi 2 digubal untuk dikuat kuasakan bagi melindungi aset-aset ICT Kerajaan Negeri secara lebih menyeluruh.

## **KANDUNGAN DASAR**

6. Dasar ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Dasar Keselamatan
- (b) Organisasi Keselamatan Maklumat

- (c) Keselamatan Sumber Manusia
- (d) Pengurusan Aset
- (e) Kawalan Akses
- (f) Kriptografi
- (g) Keselamatan Fizikal dan Persekitaran
- (h) Keselamatan Operasi
- (i) Pengurusan Komunikasi
- (j) Perolehan Sistem, Pembangunan dan Penyelenggaraan
- (k) Hubungan Dengan Pembekal
- (l) Pengurusan Insiden Keselamatan Maklumat
- (m) Aspek Keselamatan Maklumat Dalam Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan
- (n) Pematuhan

## **SURAT AKUAN PEMATUHAN**

7. Semua Ketua Jabatan perlu memastikan setiap pegawai dan kakitangan di bawahnya menandatangani Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT Negeri (secara manual atau elektronik) setiap tahun dan rekod berkenaan disimpan oleh jabatan.

## **PEMAKAIAN**

8. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri

dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.


#### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 11 Tahun 2016 ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, maka **Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil.1 Tahun 2009 - Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang** adalah **dibatalkan**.

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS  
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



[ DATO' SERI FARIZAN BIN DARUS ]